

PEMBUKAAN PERSIDANGAN MAJLIS MESHUARAT NEGERI BRUNEI:

TITAH DULI YANG MAHA MULIA

PANDANGAN D. Y. M. M. MENGENAI MELAYU RAYA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah menegaskan pandangan Baginda mengenai ranchangan Melayu Raya yang di-anjorkan oleh Y.T.M. Tengku Abdul Rahman, Putra Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu bahawa chadangan yang demikian ia-lah satu chadangan yang menarik hati kerana tali perhubungan Ugama, bangsa, adat resam dan kebudayaan diantara negeri ini dengan negeri2 yang terkandung didalam ranchangan itu adalah sa-rupa dan kukoh.

Demikian telah di-nyatakan dalam titah Baginda di-persidangan Majlis Meshuarat Negeri kelemarin.

"Oleh kerana untong nasib ra'ayat negeri ini pada masa akan datang ada-lah tergantung kepada sikap kita dalam masa'alah ini, maka beta terlebih dahulu mengkaji masa'alah ini dengan mendalam dan mendapatkan pendapat2 ra'ayat di-atas ranchangan Melayu Raya itu.

"Hasil2 kajian itu akan menentukan apa2 langkah yang patut di-perbuat," titah baginda.

Duli Yang Maha Mulia telah menyeru kepada sekalian ra'ayat yang chinta kepada negeri ini supaya memberikan pandangan pendapat2 yang ikhlas demi kepentingan bangsa, ugama dan tanah ayer apabila pendapat2 mereka di-pinta oleh kerajaan.

Terhadap Pilehan Raya

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah mengumumkan bahawa "pilehan raya" akan di-adakan sa-belum akhir bulan October tahun hadapan manakala 16 kerusi dalam Majlis Meshuarat Negeri akan di-penohkan oleh ahli2 yang di-pileh oleh ra'ayat.

Baginda membuat pengumuman ini tatkala bertitah dalam upachara pembukaan rasmi Majlis Meshuarat Negeri yang telah bersidang di-Dewan Kemasharakatan disini pada pagi 5 December kelemarin.

Baginda telah juga menerangkan sebab2 pilehan raya itu tergendala dan perlu-nya Rang Undang2 Taraf Kebangsaan itu di-semak dan di-teliti.

"Sa-telah selesai pengkajian Undang2 Taraf Kebangsaan itu baharu-lah boleh di-ambil tindakan untuk membuat persiapan2 bagi pilehan raya", titah Baginda.

"Pekerjaan bagi kesiapan2 pilehan raya bukan-lah satu perkara yang mudah untuk di-percepatkan kerana pendaftaran2 ra'ayat dan pengundi akan me-



D.Y.M.M. Sultan.

ngambil masa sa-kurang2-nya tiga bulan", Baginda menjelaskan.

Titah Duli Yang Maha Mulia selanjut-nya ada-lah saperti berikut:

"Beta berasa bangga bahawa semenjak munchol-nya Perlembagaan Negeri Brunei lebeh kurang dua tahun sudah negeri ini telah berkerajaan sendiri dengan sa-penoh-nya. Kerajaan beta telah dapat di-kendalikan oleh pegawai2 Brunei di-semua lapisan dan di-dalam kesemua perkara melainkan dalam perkara2 pertahanan dan luar negeri yang maseh lagi menjadi tanggungjawab Kerajaan British. Beta perchaya ra'ayat beta ada-lah menyedari kedudukan ini.

BERASA BANGGA

"Beta juga berasa bangga oleh kerana dalam masa yang sa-singkat ini Kerajaan Negeri ini dapat di-susun dan di-ator dengan samporna-nya menuju ka-arrah susunan Kerajaan yang berperlembagaan. Semua sharat2 Perlembagaan telah dapat di-perkuatkuasakan kechuali dalam satu perkara sahaja telah tergendala ia-itu "pilehan raya" bagi majlis ini. Kelambatan ini tidak-lah boleh di-letak berat ka-atas sa-siapapun oleh sebab puncha kelambatan yang terbesar sekali ia-lah dalam menyediakan Undang2 Taraf Kebangsaan Negeri Brunei yang telah mengambil masa yang panjang.

"Undang2 ini mustahak-lah di-kaji dan di-tapis terlebih dahulu

(Lihat Muka 4)



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini sedang bertitah di-pembukaan rasmi Persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei kelemarin pagi.

PENUNTUT2 BRUNEI BALEK DARI LUAR NEGERI

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 45 orang penuntut2 lelaki dan perempuan dari Brunei yang melanjutkan pelajaran di-Persekutuan Tanah Melayu telah balek ka-Tanah Ayer dalam minggu yang lalu untuk menyempurnakan kelepasan mereka.

Rombongan yang pertama sa-ramai 14 orang terdiri dari penuntut2 yang belajar di-Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh telah tiba di-sini pada hari Rabu yang lalu.

Mereka ia-lah seperti di-bawah ini :

Basir bin Metali, Awang Momin bin Tengah, Ahmad bin Ibrahim, Norniah bin Lawing, Jali bin Tamin, Mohamed bin Gemok, A. Kani bin M. Salleh, Razali bin Metusin, Hasrah bin Edin, Abdul Malek bin Abdul Latif, Julaihi bin A. Kadir, A. Rahman bin Ghani, Mohamed Ali bin Nordin dan Masuani bin M. Said.

Rombongan yang kedua sa-ramai 10 orang terdiri dari penuntut2 sekolah tersebut juga telah tiba di-sini pada hari Khamis yang lalu.

Penuntut2 tersebut ia-lah :

M. Yusof bin Metussin, Bakar bin Haji Safar, Ahmad bin Murat, A. Kadir bin Chiku, A. Hamid bin M. Daud, Mohiddin bin Haji Othman, A. Majid bin Haji A. Rahman, A. Jalil bin Mohamed Daud, Hanafiah bin M. Sugut dan Awang Hussain bin M. Tahir.

Tujuh orang penuntut2 dari Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan telah tiba di-Tanah Ayer pada hari Jumaat yang lepas. Mereka ia-lah :—

Awangku Yunus bin Pengiran Besar, Mohamed bin Haji Janudin, Nafsiah binti Haji Saman, Nauyah binti Othman, Dayangku Fatimah binti Pengiran Salim,

Noriah binti Nordin dan Hafsa binti Haji Mohiddin.

Naemah binti Razali penuntut Brunei yang tunggal berlatih di-Maktab Perguruan Perempuan Melaka telah balek ka-Brunei pada hari Jumaat yang lalu.

Pada hari Sabtu yang lalu 11 orang lagi penuntut2 dari Brunei yang melanjutkan pelajaran di-Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan telah balek ka-Brunei.

Para penuntut itu ia-lah :

Awangku Ibrahim bin Pengiran Damit, Aziz bin Daud, Jumat bin Abbas, Mustapha bin Awang Daud, Omar bin Hidup, Abu Bakar bin Othman, Abdul Rahman bin Metali, Hussain bin Mahari, Alim bin Kunchol, Saban bin Lamit dan Mohamed bin Abu Bakar.

Pada hari itu juga 2 orang penuntut2 Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim telah balek ka-Brunei untuk berchuti.

Mereka ia-lah Tengah bin Abdul Latif dan Mohamed Noor bin Chuchu.

Sementara itu Pegawai Pelajaran Negara, Brunei mengumumkan bahawa 9 orang lagi penuntut2 dari Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan akan tiba di-Brunei dengan kapal terbang pada hari Sabtu 23 December akan datang. Penuntut2 itu ia-lah :

Aisah binti Yusuf, Zainun binti Abdul Latif, Omar bin Ahai, Mohamed Noor bin Salleh, Awangku Ya'acob bin Pengiran Mohamed, Hamzah bin Haji Uting, Annuar bin Hj. Hamid S. Hamid bin S. Nikman dan Awangku Mustapha bin Pengiran Metassan.



Che'gu Pengiran Metussin

MENGHADHIRI SEMINAR GURU2 DI-SAIGON

BERAKAS. — Dua orang wakil dari Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah berlepas ka-Saigon, ibu kota Vietnam Selatan dengan kapal terbang dari sini pada pagi hari Ithnin 27 November yang lalu.



Che'gu Abdul Razak

Wakil2 dari PGGMB itu ia-lah Che'gu Pengiran Metussin bin Pengiran Haji Lampoh, Setia Usaha Persuratan dan Che'gu Abd. Razak bin Bungsu, Setia Usaha Sukan PGGMB.

Mereka telah menghadiri Seminar Latehan Pemimpin Guru2 Sa-Asia yang berlangsung di-Saigon mulai dari 29 November hingga 7 December hadapan.

Seminar itu akan membincangkan perkara2 yang mengenai pendidikan dan pelajaran, antara-nya ia-lah :

- ◆ Tanggong jawab guru2 dalam pekerjaan-nya :
- ◆ Pergerakan dan perkhidmatan yang di-berikan oleh sa-sabuaah pertubohan guru2 ;
- ◆ Pertubohan kebangsaan, pentadbiran dan chara2 penyelenggaraan-nya ; dan
- ◆ Perhubungan antara pertubohan guru2 sa-dunia.

Sa-lain daripada wakil2 persekutuan2 guru2 di-Asia, pemerhati2 dari lain2 negara seperti Australia, New Zealand dan lain2 juga akan hadir dalam seminar tersebut.

Wakil2 dari PGGMB itu telah berlepas dari Singapura ka-Saigon dengan kapal terbang Pan American Airways pada 28 November.

Mereka akan berlepas ka-Singapura dari Saigon dengan kapal terbang Pan American Airways pada 11 December dalam perjalanan balek ka-Brunei.


Ini-lah kali yang ketiga PGGMB menghantarkan wakil2-nya menghadiri seminar guru2 di-luar negeri pada tahun ini.

Che'gu Suni bin Idris dan Che'gu Omar bin Muhammad telah mewakili PGGMB di-Seminar Guru2 Sa-Dunia di-Manila pada bulan February tahun ini.

Pada bulan August pula, Che'gu Md. Husain bin Md. Yusuf telah mewakili PGGMB di-Seminar Guru2 yang di-langsungkan di-New Delhi, India.

MEMPELAJARI KURSUS MEKANIK

BERAKAS. — Inche Masri bin Ja'afar sa-orang anggota dari Workshop Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait telah berlepas dengan kapal terbang ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 17 November yang lalu.



Inche Crosby-Emery Jurutera Jentera, Jabatan Kerja Raya Negeri Brunei (kiri) kelihatan dalam gambar ini mengucapkan selamat berpisah kepada Inche Masri sa-belum Inche Masri berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada 17 November yang lalu untuk menghadiri kursus mekanik.

Beliau akan mempelajari kursus mekanik dengan Sharikat George Kent di-Pulau Pinang selama sa-tahun atas perbelanjaan Kerajaan Brunei.

Inche Masri ia-lah bekas penuntut Sekolah Inggeris Kerajaan di-Kuala Belait.

Beliau telah di-pilih belajar di-Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Brunei Shell di-Seria pada tahun 1956.

Tiga tahun kemudian Inche Masri telah berkhidmat dengan Workshop Kerajaan sa-bagai sa-orang turner.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa 24 orang lagi dari Negeri Brunei akan di-hantar keluar negeri untuk menghadiri kursus mekanik di-bawah Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun.

Orang2 itu mesti-lah tamat berlatih di-Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Brunei Shell dan juga hendak-lah mempunyai pengalaman dalam hal ehwal mekanik di-Workshop Kerajaan.

MENTERI BESAR BUKA PASAR GEMBIRA

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un telah membuka dengan rasmi-nya "pasar gembira" yang telah diadakan oleh Persatuan Pengakap2 Daerah Brunei pada petang 1 December yang lalu.

Pasar Gembira itu telah di-langsungkan di-belakang bangunan pejabat2 kerajaan.

Menurut Pesuruh Jaya Pengakap2 Daerah Brunei bahawa wang yang di-dapati dari pasar gembira itu akan di-gunakan untuk menghantar beberapa orang pengakap2 Daerah Brunei ke-Jambori Pengakap2 yang akan

di-langsungkan di-Hongkong tidak berapa lama lagi.

Sa-belum pembukaan rasmi pasar gembira itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari pengakap2 yang mengendalik "pasar gembira" itu sa-jurus sa-telah ketibaan beliau.

Pengerusi Persatuan Pengakap2 Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Md. Yusuf telah mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah sudi merasmikan pembukaan pasar gembira itu.

Sa-bagai sa-orang pengasas pergerakan pengakap dalam negeri ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberi nasehat kepada pengakap2 Brunei supaya sentiasa ta'at setia dan patoh kepada undang2 pengakap.

Orang ramai telah membantiri ka-pasar gembira itu sambil menikmati beberapa permainan seperti loto, lumba kuda, peraduan meneka duit dalam botol dan berbagai2 permainan yang di-adakan.

PENGAIT DI-BRUNEI?

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pesuruh Jaya Pulis Brunei Inche David Forrer telah menjelaskan mengenai berita2 angin tentang gerakan orang yang hendak memotong kepala (Pengait — kata orang Melayu Brunei) yang pada masa ini menjadi buah mulut sabahagian besar penduduk2 negeri ini, Pemangku Pesuruh Jaya Pulis itu telah memberi amaran kepada orang ramai yang berbunyi:

Berikutan dengan berita2 angin yang mengakibatkan shak-wasangka dan kechurigaan tentang keselamatan penduduk2 negeri ini, Pemangku Pesuruh Jaya Pulis itu telah memberi amaran kepada orang ramai yang berbunyi:

"Bahawa orang2 yang melebarkan berita2 sa-rupa itu adalah salah di-bawah undang2 Penal Code bahagian 505. Kesalahan yang demikian akan dikenakan penjara sa-lama dua tahun atau denda atau kedua2-nya."

Pemangku Pesuruh Jaya Pulis menegaskan lagi bahawa orang ramai di-kehendaki memberi tahu ka-Balai Pulis atau Pejabat Da'erah yang berhampiran — sa-kira-nya ada orang2 yang membawa berita2 yang tidak benar itu.



Jururawat2 dari Brunei yang telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 24 November, 1961 untuk berlateh di-sana kelihatan dalam gambar ini bergambar ramai di-bangunan lapangan terbang Brunei.

Dari kanan — Dayangku Rohana binti Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed, Puan Norzannah binti Abdul Aziz, Puan Yap Kin Lai, Puan Helen Leong dan Puan Lai Swee Peng.

Berlateh di-Rumah Sakit Pulau Pinang

BANDAR BRUNEI. — Lima orang dari Jabatan Perubatan Negara yang terdiri dari sa-orang Staff Nurse dan empat orang Pelateh2 Jururawat Gigi telah berlepas dengan kapal terbang ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 24 November lepas kerana menjalani kursus mengenai Ketua Juruwati Kesehatan dan Jururawat Gigi dengan perbelanjaan Kerajaan.

Mereka itu ia-lah Dayangku Rohana binti Pengiran Kerma Indera Muhammad, Staff Nurse di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei; Puan Norzannah binti Abd. Aziz, Puan Yap Kim Lai — kedua2-nya Pelateh2 Jururawat Gigi di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei; Puan Helen Leong dan Puan Lai Swee Pong, — kedua2-nya Pelateh Jururawat

Gigi di-Rumah Sakit Kuala Belait.

Dayangku Rohana akan menjalani kursus Ketua Juruwati Kesehatan di-Rumah Sakit Besar Pulau Pinang sa-lama sa-tahun.

Empat orang lain-nya akan menjalani kursus Jururawat Gigi di-Sekolah Gigi, Pulau Pinang sa-lama dua tahun.

FORUM TERAS KEBUDAYAAN

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis forum "Teras Kebudayaan Nasional" akan di-adakan sa-bagai salah satu acara Hari Pelajar yang di-anjorkan oleh Persatuan Peminat2 Bahasa Melayu Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada 8 December hadapan mulai pukul 2.30 petang di-dewan maktab tersebut.

Tiga orang guru2 Melayu di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Maktab Perguruan Melayu Berakas akan mengambil bahagian dalam majlis itu.

Forum "Teras Kebudayaan Nasional" yang julong2 kali di-adakan itu ada-lah terbuka ka-

pada orang ramai dengan tiada di-kenakan apa2 bayaran.

Mulai pukul 7.30 malam, Hari Pelajar itu juga akan di-penohkan dengan persembahan2 dua buah derama satu babak "kesah di-lingkaran darah" dan "malam berdarah", di-karang dan diarahkan oleh Inche Mahmud b. Bakir dan Inche Mohammad bin Haji Serudin.

Berbagai2 tarian, pembacaan sajak2, nyanyian2, lawak jenaka dan lain2 akan di-adakan juga pada malam tersebut.

Tiket \$1.00 untuk orang ramai boleh dapat di-beli dari Inche2 Mahmud bin Bakir dan Alias bin Ahmad di-Maktab Sultan Omar

Ali Saifuddin Bandar Brunei.

Tiket 50 sen untuk penuntut2 dan murid2 sekolah boleh di-dapati di-sekolah2 dan maktab2 di-Bandar Brunei.

PEMANGKU PESUROH JAYA PULIS

BANDAR BRUNEI. — Inche David Forrer, Penguasa Pulis, telah di-lantek menjadi Pemangku Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei mulai dari 15 November, 1961.

Beliau telah menggantikan jawatan Inche A.N. Outram, Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei yang telah berangkat ka-United Kingdom pada tarikh tersebut untuk menyempurnakan kelepasan-nya.



Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (duduk nombor 4 dari kiri) telah bertukar ka-Kuala Belait sa-bagai Pemangku Pegawai Daerah Belait pada 1 December, 1961. Beberapa hari sa-belum tarikh tersebut Pegawai2 dan anggota2 Pejabat Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan satu majlis perpisahan untuk beliau itu.

SIJIL DARJAH DEWASA

KATIMAHAR. — Satu majlis menyampaikan Sijil2 Darjah2 Dewasa Melayu peringkat yang pertama untuk pelajar2 di-Sekolah Melayu Katimahar akan di-adakan di-sekolah itu pada pu-

kul 4.30 petang hari Sabtu 16 December akan datang.

Sijil2 itu akan di-sampaikan oleh Che'gu Omar bin Muhammad, Pengelola, Darjah Dewasa, Negeri Brunei.

Titah Duli Yang Maha Mulia

(Dari Muka 1)

dengan sa-halus2-nya ia-itu untuk mendapatkan ra'ayat beta yang ta'at setia-nya kepada beta dan kasch sayang kapada negeri dengan tidak berbelah bagi.

"Sa-telah selesai pengkajian Undang2 Taraf Kebangsaan ini baharu-lah boleh di-ambil tindakan untuk membuat kesiapan2 bagi pilihan raya. Kesiapan2 yang terpaksa di-sediakan adalah banyak. Selain dari kesiapan dari segi pentadbiran, beberapa Undang2 dan Peratoran2 hendak-lah di-siapkan terlebih dahulu seperti Undang2 Pendaftaran Nikah Kahwin, Undang2 Anak Angkat, Perintah Surohan-jaya Pilihan Raya, Perintah Pilihan Raya bagi Majlis Mashuarat Daerah dan Negeri, Undang2 Kesalahan Pilihan Raya dan beberapa lagi Peratoran2 yang kena di-perbuat di-bawah Undang2 yang tersebut.

PERSEDIAAN

"Sa-sudah Undang2 dan Peratoran2 yang tersebut itu di-luluskan baharu-lah boleh persediaan di-mulakan untuk pekerjaan pilihan raya. Ini juga bukan-lah satu perkara yang boleh di-percepatkan oleh kerana pendaftaran ra'ayat dan pendaftaran pengundi akan mengambil masa sa-kurang2-nya tiga bulan dan selepas daftar pengundi itu siap satu masa juga kena di-beri untuk daftar itu di-semak oleh ra'ayat dan sa-lepas itu pula tempoh kena juga di-beri di-antara tarikh menamai chalon dan tarikh pilihan raya Majlis Meshuarat Daerah. Sa-lepas di-adakan pilihan raya Majlis Meshuarat Daerah maka baharu-lah dapat di-adakan pilihan ahli2 untuk Majlis Meshuarat Negeri ini.

"Maka dengan kerana sebab2



Duli Yang Maha Mulia kelihatan memeriksa Barisan Kehormatan terdiri dari Polis Brunei sa-belum Baginda bertitah di-pembukaan rasmi Persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang telah di-langsungkan pada kelemarin pagi di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei.

ini-lah maka Perlembagaan Negeri terpaksa di-pinda untuk melanjutkan tempoh pilihan raya dari dua tahun kapada tiga tahun.

"Walau macham mana sekali pun rumit-nya persediaan untuk pilihan raya ini, Insha Allah sa-belum akhir bulan October tahun hadapan 16 kerusi dalam majlis ini akan di-penuhi oleh ahli2 yang di-pilih oleh ra'ayat.

"Maka dengan sebab itu beta berseru kapada ra'ayat beta supaya memberikan sa-penoh2 sokongan kapada Kerajaan beta di-dalam persediaan pilihan raya ini supaya harapan beta itu tidak akan menjadi hampa," tegas lagi Duli Yang Maha Mulia.

Lanjutan titah D. Y. M. M. dalam Majlis Meshuarat Negeri itu akan di-siarkan di-keluaran yang akan datang.

UPACHARA PERBARISAN ASKAR2

KUALA BELAIT. — Lebeh daripada 2,000 orang telah menyaksikan upachara perbarisan Askar2 Melayu Brunei dan Pancharagam Pasokan Yang Ka-Lima Askar Melayu Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-padang Kuala Belait pada pagi 26 November yang lalu.

Inche Abdul Ghani bin Hassan, Pemangku Pegawai Daerah Belait dan Lieutenant Colonel Tengku Ahmad bin Tengku Besar Burhanuddin, Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei telah menerima Tabek Kehormatan di-upachara perbarisan itu.

DI-BUKIT BENDERA

Satu lagi upachara perbarisan Askar2 Melayu Brunei dan Pancharagam Pasokan Yang Ka-Lima Askar Melayu Diraja Persekutuan Tanah Melayu telah di-adakan di-padang Bukit Bendera, Tutong pada pagi 28 November

yang lepas.

Yang Berhormat Pengiran Ahmad bin Al-merhom Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin, Pemangku Pegawai Daerah Tutong telah menerima tabek kehormatan di-upachara ter-

sebut.

Chuacha pada pagi2 tersebut sangat-lah panas. Bagaimana pun tidak-lah menjadi halangan kapada para penonton yang terdiri dari orang2 dewasa dan murid2 sekolah.



Pemandangan2 perbarisan Askar Melayu Brunei yang telah di-adakan di-negeri ini pada bulan November yang lalu.

PENGUMUMAN PEJABAT UGAMA MENGENAI "RANTAI BAGHIA"

BANDAR BRUNEI. — Baharu2 ini banyak sungutan dan pengaduan di-terima dari orang2 Islam mengenai suatu perkara yang sedang merebak di-dalam Negeri Brunei, ia-itu surat terbang yang di-namakan "Rantai Bahgia".

Demikian menurut satu pengumuman yang di-terbitkan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Berhubung dengan perkara tersebut Pejabat Hal-Ehwal Ugama Negeri Brunei telah menyasiat dan menghalusi perkara "Rantai Bahgia" itu dan mendapati ia-itu perbuatan memperchayai surat seperti "rantai bahgia" atau lain2-nya yang di-katakan boleh memberi nasib baik dan jahat kapada sa-saorang itu, ada-lah suatu keperchayaan sesat dan derhaka kapada Allah dan melanggar dasar iman.

Pengumuman itu menyebutkan bahawa ada pun sa-saorang yang menyalin dan mengirim surat "Rantai Bahgia" itu kapada rakan2-nya seperti yang di-kehendaki dalam surat itu jika ia membuat demikian kerana termasuk keperchayaan takut kapada "Rantai Bahgia" itu kelak akan membawa nasib chelaka kapada-nya.

Sa-kira-nya ia berharap rantai itu boleh membawa nasib baik kapada-nya ada-lah sa-olah2 ia tidak perchayakan rukun iman yang menjadi dasar Islam, ia-itu beriman kapada untong baik dan untong tidak baik.

"Lupa-lah ia bahawa nyawa-nya, razeki-nya, hidup mati-nya, bahgia dan chelaka nasib-nya ada-lah di-dalam kuasa Allah — bukan di-dalam kuasa "rantai bahgia" yang di-jadikan", kata lagi pengumuman tersebut.

Antara lain-nya, pengumuman tersebut berkata bahawa ternyata-lah surat tersebut yang di-adakan oleh penaja-nya telah mengelirukan faham dan menyesatkan iman dan dengan itu juga orang2 telah membuang masa dan alat menulis dengan sia-sia.



WAWANCHARA

**TUAN H. A. PERGAU
MENZIARAH D.Y.M.M.**



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berchemar duli ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin untuk mendengarkan bacaan Al-Koran oleh Tuan Haji Ahmad Pergau, pada malam 23 November, 1961.

Dalam gambar ini kelihatan Tuan Haji Ahmad Pergau (kanan) sedang berziarah dengan Duli Yang Maha Mulia di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada malam tersebut.

MAJLIS2 BACHAAN AL-KORAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar duli ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada malam 23 November yang lalu untuk mendengarkan bacaan Al-Koran oleh Tuan Al-Haji Ahmad Pergau, johan bacaan Al-Koran antara bangsa2 di-Asia pada tahun ini.

Ramai kaum muslimin telah hadir di-mesjid tersebut pada malam itu untuk mendengarkan bacaan Al-Koran oleh qari yang terkenal itu.

Majlis tersebut telah di-adakan di-bawah anjoran Pejabat Hal

Ehwal Ugama, Negeri Brunei.

Itu-lah kali yang ketiga Tuan Haji Ahmad Pergau membaca Al-Koran di-Mesjid Omar Ali Saifuddin.

Kali yang pertama ia-lah pada malam 16 November dan kali yang ke-dua pada tengah hari Jumaat 17 November.

Sa-lain daripada membaca Al-Koran di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Tuan Haji Ahmad Pergau juga telah membaca Al-Koran di-beberapa tempat di-negeri ini, di-antara-nya ia-lah di-Masjid2 Bangar, Temburong, Pekan Tutong, Seria dan Kuala Belait.

HADIAH SHARIKAT MINYAK KAPADA MESJID2

SERIA. — Sharikat Minyak Brunei Shell telah menghadihkan alat2 pembesar suara kapada tiga buah lagi Mesjid2 dalam Negeri Brunei.

Hadiah2 itu telah di-sampaikan oleh Inche J.C. Maidment, Wakil Sharikat Minyak di-Bandar Brunei dan Inche B. Levick, Pegawai Perhubungan Raya, Sharikat Minyak itu pada hari Jumaat 24 November yang lalu.

Istiadat menyampaikan hadiah tersebut mulai di-adakan di-Mesjid Kampong Keriam.

Kemudian wakil2 sharikat minyak itu telah berangkat ka-Kampong Kupang untuk menyampaikan hadiah alat pembesar suara di-Masjid kampong itu.

Sa-lepas itu mereka berangkat ka-Kampong Lamunin dan menyampaikan hadiah alat pembesar suara kapada Masjid Kampong Lamunin.

Inche Maidment menyatakan di-majlis2 menyampaikan hadiah itu bahawa beliau dan Inche Levick berasa sukachita hadir

di-majlis2 tersebut.

Beliau telah mengucapkan tahniah bagi pehak Sharikat Minyak Brunei Shell kapada penduduk2 di-tiap2 buah kampong tersebut atas kerjasama mereka untuk membenakan Masjid di-kampong masing2.

"Dahulu Sharikat Shell telah menolong berkenaan dengan hal2 pelajaran dan jasmani dengannya, hari ini, Sharikat Shell pun bersuka chita menolong dengan hal2 rohani", kata lagi Inche Maidment dalam ucapan-nya itu.

DENGAN TUAN HAJI AHMAD PERGAU

BANDAR BRUNEI. — Tuan Al-Haji Ahmad bin Ma'som Pergau, sa-orang qari yang terkenal di-Persekutuan Tanah Melayu telah melawat ka-Negeri Brunei sa-chara tidak rasmi sa-lama dua minggu baharu2 ini.

Beliau ada-lah menyandang tiga gelaran bacaan Al-Koran pada tahun ini.

Gelaran yang besar sa-kali ia-lah sa-bagai johan pertandingan bacaan Al-Koran antara bangsa di-Asia, johan pertandingan bacaan Al-Koran seluruh Persekutuan Tanah Melayu dan johan pertandingan bacaan Al-Koran Negeri Kelantan.

Beliau ada-lah terkenal dengan nama "Haji Ahmad Pergau".

Dalam satu wawanchara dengan qari tersebut, beliau menerangkan bahawa sebab pun ia menggunakan nama "Pergau" ia-lah kerana ia di-lahirkan di-Per-

gau, Jajahan Kuala Krai, Ulu Kelantan.

Tuan Haji Ahmad Pergau kini berumur 45 tahun.

Sejak masa kecil lagi ia telah mulai membaca Al-Koran. Bila berumur 21 tahun ia telah ber-

angkat ka-Mekah untuk menunaikan fardhu haji.

TANAH ARAB

Sa-lepas itu ia telah tinggal di-Tanah Arab sa-lama 15 tahun.

Sa-masa berada di-Tanah Arab Tuan Haji Ahmad Pergau telah mempelajari bacaan Al-Koran dengan sa-dalam2-nya di-bawah pimpinan Al-Fadzil Sheikh Ahmad Ijazi Al-Hafidz, sa-orang Guru Al-Koran yang terkenal di-Tanah Arab.

Sa-lain daripada mempelajari bacaan Al-Koran, Tuan Haji Ahmad telah berkhidmat dengan sa-buah Sharikat Minyak di-Telok Parsi sa-bagai sa-orang mekanik sa-lama tujuh tahun.

Di-antara tempat2 yang beliau

telah melawat sa-masa berada di-Tanah Arab ia-lah Mesir, Sham, Lebanon, Iraq, Bagdad dan lain2-nya.

Beliau telah sa-kali lagi berangkat ka-Tanah Arab pada tahun 1954 dan balek ka-Kelantan dua tahun kemudian.

Ada-kah Tuan Haji Ahmad Pergau berhajat hendak memper-tahankan gelaran-nya sa-bagai johan bacaan Al-Koran antara bangsa2 pada tahun hadapan?

TIDAK BERTANDING LAGI


Berhubung dengan so'alan ini, beliau menjawab, "tidak".

Mengapakah begitu?

Tuan Haji Ahmad Pergau dengan senyum menjawab, "Saya sengahaja tidak mahu masuk bertanding sebab saya suka menen-gok kebolehan orang2 lain di-Kelantan".

"Sa-belum di-pilih bertanding dalam pertandingan bacaan Al-Koran antara bangsa2", kata-nya, "qari itu hendak-lah memper-olehi 2 gelaran kejohanan yang lain.

"Pertama hendak-lah ia menjadi johan atau naib johan bacaan Al-Koran salah sa-buah negeri di-Persekutuan Tanah Melayu dan sa-lepas menyandang gelaran2 johan atau naib johan bacaan Al-Koran seluruh Persekutuan Tanah Melayu, baharu-lah qari itu di-pilih mewakili Persekutuan Tanah Melayu dalam pertandingan antara bangsa2 di-Asia", tegas Tuan Haji Ahmad Pergau.



Sharikat Minyak Brunei Shell telah menghadihkan alat2 pembesar suara kapada tiga buah Mesjid2 di-Daerah Tutong pada 24 November yang lalu.

Dalam gambar ini kelihatan orang ramai yang hadir di-majlis menyampaikan hadiah alat pembesar suara kapada Mesjid Kampong Keriam.

Berdiri di-hujung kiri sa-kali dalam gambar ini ia-lah Inche J.C. Maidment, Wakil Sharikat Minyak Brunei Shell di-Bandar Brunei. — Gambar dengan ehsan Sharikat Minyak Brunei Shell.

HALAMAN PERTANIAN:

PENCHEGAHAN MUSOH2 TANAMAN DENGAN MENGGUNAKAN RACHUN

Pokok2 tanaman biasa-nya tidak terlepas daripada serangan musoh2 dan penyakit2, umpama-nya pokok2 tanaman yang kita kehendaki hasil-nya seperti padi, sayuran2, buah2-an, bunga2an dan lain2, kerap kali pokok2 itu kelihatan tidak sempurna hidup-nya dan ada kala-nya pokok2 itu menjadi mati oleh sebab serangan musoh2 tersebut.

Untuk mengurangkan bencana serangan2 itu ia-lah dengan jalan menjaga kesuburan pokok, kebersihan kawasan dan jarak2 tanaman yang sempurna hendak-lah di-usahkan, kerana kerosakan oleh musoh2 dan penyakit2 tanaman adalah bergantung kepada usaha2 yang di-sebutkan itu.

KAWASAN SEMAK

Di-kawasan2 yang semak musoh2 dan penyakit2 itu senang membiak. Yang mustahak sekali untuk mengelakkan-nya ia-lah dengan chara2 seperti yang di-sebutkan di-atas ia-itu:

- ◆ Menurut peratoran jarak tanaman yang sempurna;
- ◆ Menjaga kesuburan pokok; dan
- ◆ Kebersihan pokok dan kawasan.

Kerusakan2 di-sebabkan musoh2 dan penyakit2 itu boleh di-musnahkan dengan memerhatikan bagaimana musoh2 dan penyakit2 itu merosakkan pokok2 tanaman tersebut, maka chara2 kita menjauhkan dan mengubah-nya pula ada berlainan.

Umpama-nya musoh2 tanaman seperti babi hutan dan tikus hendak-lah di-buru bera-mai2.

Musoh2 kumbang tandok pada pokok kelapa, kumbang

Renchana mengenai pencegahan musoh2 tanaman dengan menggunakan rachun ini di-tulis oleh Inche Saman bin Haji Lamat, Pegawai Luar di-Jabatan Pertanian, Brunei. Tulisan beliau selanjut-nya ada-lah seperti berikut:



Pokok yang di-serang oleh penyakit jarang2 mengeluarkan hasil, seperti gambar di-atas yang menunjukkan pokok limau yang di-serang oleh penyakit di-bahagian daun-nya kelihatan tidak subur dan kerdil.

kecil (Apogonia Spasis) yang biasa memakan puchok buah2-an di-waktu malam, ulat2 pada daun2 pisang dan lain2 lagi hendak-lah di-kutip dan di-bakar telor2 dan anak2-nya.

Musoh2 seperti tikus yang baik sekali untuk menawan-nya sa-lain daripada perang-kap biasa ia-lah dengan chara menggunakan bubu daripada dawai mata punai halus seperti yang telah di-nyatakan di-

salah sa-buah renchana dalam ruangan ini.

Rachun2 dan ubat2 boleh juga di-gunakan untuk menghapuskan musoh2 dan penyakit2 yang menyerang pokok2 tanaman, terutama sekali pada binatang2 halus (insect) jika di-rachun dengan Malathion, Agrocide, D.D.T. Gemmexine dan lain2 ia akan mati.

Rachun2 ini ada-lah sangat merbahaya, dari itu sa-belum

menggunakan-nya harus-lah memahami benar2 mengenai peratoran-nya, chara2 men-champor, chara2 menggunakan dan sa-hingga kepada jenis2 pokok yang akan di-selamatkan dari serangan musoh2 tersebut, kerana ada jenis sayoran yang tidak boleh di-sem-bor dengan rachun daripada jenis tepong, oleh itu bertanya-lah kepada sa-barang pegawai pertanian jika hendak mengawal pokok2 tanaman dari diserang musoh2.

Rachun2 yang biasa-nya di-gunakan pada masa ini ia-lah seperti rachun "zine phosphide" untuk membunuh babi dan tikus.

JENIS RACHUN2

Rachun2 Malathion, Diel-drex 15, Nicotine, Agrocide, D.D.T., Gemmexine, ayer akar tuba ada-lah baik di-sem-borkan kepada pokok2 yang di-serang musoh2 dan rachun2 ini juga boleh membunuh binatang2 halus (insect).

Rachun2 jenis tepong seperti Agrocide, D.D.T. dan Gemmexine tidak boleh di-sem-borkan pada pokok2 sayoran yang daun-nya berbulu seperti timun, petola, peria, labu dan sa-umpama-nya

Pokok2 sayoran sa-umpama ini gunakan-lah rachun2 jenis ayer seperti Malathion, Nicotine dan ayer akar tuba.

Rachun2 tersebut boleh di-beli dari pejabat pertanian.

Manakala di-dapati pokok2 tanaman itu di-perchayai di-hinggapi oleh penyakit2 atau di-serang oleh musoh2 tanaman segera-lah memberi tahu kepada sa-barang pegawai pertanian yang berhampiran supaya memberi bantuan bagaimana menghapuskan penyakit2 dan musoh2 tersebut.

BERITA BAIK DARI AUSTRALIA

Inche Suhaimi bin Haji Ismail, pegawai Pertanian Luar Negeri Brunei pada masa ini sedang menghadiri satu kursus pertanian di-Australia.

Kursus itu di-adakan di-bawah Rancangan Kolombo.

Menurut satu berita yang kita terima dari Australia, Inche Suhaimi telah melawat ka-beberapa pusat pertanian di-benua itu.

Sa-lain daripada Inche Suhaimi, beberapa orang pegawai pertanian dari lain2 negeri ada-lah juga menghadiri kursus itu.


Di-antara-nya ia-lah dari India, Pakistan, Indonesia, Philipina, Burma dan Malaya.

Inche Suhaimi berasa bangga dapat menghadiri kursus tersebut dan menyatakan bahawa be-

liau akan menchorahkan pengalaman2 yang di-perolehi di-Australia untuk faedah Negeri Brunei pada masa beliau balek ka-negeri ini tidak berapa lama lagi.

Dalam gambar "Australian News and Information Bureau" ini kelihatan Inche' Suhaimi memakai kacha mata berdiri dekat sa-ekor lembu dan Inche Yip Yeen Wah dari Persekutuan Tanah Melayu sedang memeriksa lembu itu yang telah mendapat hadiah pertama dalam peraduan binatang2 ternakan di-temasha pertunjukan pertanian yang telah di-adakan di-Melbourne, Australia.

Empat orang lagi dalam gambar ini ia-lah pakar2 pertanian dari lain2 negeri yang menghadiri kursus tersebut.



BOLA SEPAK SEKOLAH2:

Maktab S.O.A.S. — 2 Gol 7 Penjuru Maktab A.A. — 2 Gol 4 Penjuru

BANDAR BRUNEI. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah mengalahkan Maktab Anthony Abell, Seria dalam perlawanan akhir bola sepak murid2 sekolah sa-negeri ini yang berumur 16 tahun ka-atas pada tahun yang kedua berturut2 — bukan dengan gol, tetapi dengan penjuru sahaja, ia-itu 3 penjuru. Perlawanan yang hebat itu telah di-langsungkan di-padang Bandar Brunei pada petang hari Khamis yang lalu dan di-saksikan oleh kira2 2,000 orang.

Di-antara para penonton tersebut ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed; Inche Bradbury, Pegawai dari Jabatan Pelajaran Brunei; Inche Nordin bin Abdul Latiff, Penguasa Pelajaran Melayu, Brunei; dan Inche Mohamed Hussain bin Mohamed Yusof, Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei.

Dalam perlawanan tersebut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mendapat 2 gol dan 7 penjuru, manakala Maktab Anthony Abell pula memperolehi 2 gol dan 4 penjuru.

Gol2 yang di-dapati oleh Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin itu telah di-jaringkan oleh Hanafiah dan Saban. Kifli Razali dan Ali Tarip telah menjaringkan gol2 untuk Maktab Anthony Abell.

Pasokan Maktab Anthony Abell telah mengejutkan pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin sa-telah beberapa minit perlawanan tersebut di-mulakan apabila Kifli Razali dari barisan penyerbu pasokan Maktab Anthony Abell telah berjaya menembusi masuk ka-dalam kubu pertahanan pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan menjaringkan bola dengan tendangan yang kuat berhadapan pintu gol pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin sa-telah mendapat tendangan dari Mathiew Liew, forward tengah pasokan Maktab Anthony Abell.

Dua minit kemudian Maktab Anthony Abell telah mendapat gol-nya yang ke-dua. Gol itu di-jaringkan oleh Ali Tarip sayap kiri pasokan itu.

Dengan itu, pasokan Maktab Anthony Abell mendapat 2 gol tidak berbalas.

Meskipun pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin belum-lah lagi dapat menjaringkan satu gol pun, akan tetapi, pemain2-nya telah tidak putus asa bermain dengan bersungguh2.

Penyokong2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin bergembira kerana Saban, centre forward pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah berhasil menjaringkan gol yang pertama pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin sa-telah ia mendapat hantaran bola dari Saipon Laman dari barisan penyerbu pasokan-nya.

Pada masa berehat, pasokan Maktab Anthony Abell telah mendapat dua gol dan pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin mendapat satu gol.

Tiga belas minit sa-lepas perlawanan itu bersambung sa-mula, Hanafiah, sayap kiri pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah menjaringkan gol yang ke-dua di-dapati oleh pasokan-nya sa-lepas ia mendapat hantaran bola dari Ariefin, pemain pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-barisan penyerbu.

Kemudian chara permainan kedua2 pasokan kelihatan lebih lancar dan chergas lagi. Perlawanan itu berkesudahan seri dua gol berbalas dua.

Sa-lepas perlawanan itu Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed telah menyampaikan Perisai Perak yang di-hadiahkan oleh beliau sendiri kepada pasokan yang menjadi johan perlawanan itu dan juga pingat2 kepada tiap2 pemain dan ahli2 simpanan.

Yang Amat Mulia itu juga telah menyampaikan Perisai Perak yang di-hadiahkan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Rahman, bekas Pegawai Daerah Brunei dan Muara dan sekarang menjadi Pemangku Pegawai Daerah Belait kepada naib johan perlawanan itu dan pingat2 kepada tiap2 pemain dan ahli simpanan pasokan itu.

Inche Johnny Marcus telah mengadakan perlawanan itu.

Pemain2 pasokan Maktab S.O.A.S. — Awangku Othman, Ghafar, Abbas Omar, Awangku Kamaludin, Wahab Said, Tajuddin Sanip, Awangku Tengah, Ariefin, Saban, Saipon Laman dan Hanafiah.

Pemain2 pasokan Maktab A.A. — Chong Hock Hin, Meludin Elin, Chua Peng Kui, Beng Hock, Awangku Ibrahim, Awang Damit, Ghapor Sharbini, Dennis Teo, Matthew Liew, Kifli Razali dan Ali Tarip.

S.M.J.A. MELAWAN S.M.A.T. ESOK

BANDAR BRUNEI. — Dua perlawanan2 akhir bola sepak murid2 sekolah Sa-Negeri Brunei akan di-langsungkan di-padang Bandar Brunei pada petang hari Khamis 7 December, 1961. Perlawanan yang pertama akan di-mulai pada pukul 4 petang.

Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei akan bertemu dengan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dalam perlawanan akhir tersebut.

S.M.A.T. Menang

KUALA BELAIT. — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait telah mengalahkan Sekolah Melayu Berakas dengan dua gol tidak berbalas dalam perlawanan sa-paroh akhir murid2 sekolah Sa-Negeri Brunei yang berumur 12 tahun ka-bawah.

Perlawanan itu telah di-adakan di-padang Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin pada petang hari Ahad yang lalu.

Sulaman bin Mohamed Said dan Judin bin Awang Momin telah menjaringkan satu gol sa-sa-orang bagi pasokan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin.

Inche Hashim Suhaimi telah mengadakan perlawanan itu.

HOKEY: ASKAR MELAYU BRUNEI MELAWAN PULIS

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Askar Melayu Brunei telah seri dengan Pasokan Pulis Brunei dalam satu perlawanan hokey sa-chara persahabatan dengan satu gol berbalas satu.

Perlawanan itu telah di-langsungkan di-padang Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada petang hari Rabu yang lalu dan di-saksikan oleh ramai penonton.

Sejak sa'at yang pertama perlawanan itu di-mulai, pemain2 kedua2 pasokan telah bermain dengan chergas.

Askar Melayu Brunei telah berhasil mendapat gol-nya yang tunggal sa-telah beberapa minit di-mulakan perlawanan itu.

Gol tersebut di-jaringkan oleh Kula bin Puasa, pemain barisan penyerbu, pasokan Askar Melayu Brunei.

Kemudian pemain2 pasokan Pulis Brunei kelihatan beberapa

kali masuk ka-dalam kubu pertahanan pasokan Askar Melayu Brunei. Akan tetapi oleh kerana kubu itu di-jagai dengan kebal oleh pemain2 pasokan Askar, maka pemain2 pasokan Pulis telah tidak berhasil menjaringkan satu gol pun.

Pada masa pertengahan yang kedua pemain2 pasokan Pulis telah menunjukkan chara permainan mereka lebih chergas lagi daripada masa pertengahan yang pertama dan sembilan minit sa-lepas perlawanan pertengahan yang ke-dua di-mulai pasokan

Pulis telah berjaya menjaringkan satu gol melalui Zainal sayap kiri-nya.

Dengan yang demikian pasokan Askar mendapat satu gol, dan begitu juga pasokan Pulis mendapat satu gol.

Sejak masa itu pemain2 kedua2 pasokan telah berikhtiar dengan bersungguh2 hendak menjaringkan gol yang dapat memberi kemenangan kepada salah satu pasokan tersebut.

Oleh kerana kubu pertahanan tiap2 pasokan di-jagai dengan kuat oleh pemain2 pasokan masing2 satu gol pun telah tidak dapat di-perolehi.

Perlawanan itu berkesudahan dengan seri sa-bagai mana tersebut.

Inche Forrer dan Inche Jeevaratnam telah mengadakan perlawanan yang hebat itu.



Pemain2 Pasokan Hokey Askar Melayu Brunei dan Pulis Brunei bergambar ramai sa-belum di-langsungkan perlawanan pada 29 November, 1961. Pengadil2 perlawanan itu ia-lah Inche Forrer (berdiri di-kanan sa-kali) dan Inche Jeevaratnam (berdiri di-kiri sa-kali).

PUTERA2 DI-RAJA BALEK

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Bolkiah telah selamat balek ka-Tanah Ayer dari Persekutuan Tanah Melayu untuk menyempurnakan kelepasan persekolahan.

Putera2 Duli2 Yang Maha Mulia dan Raja Isteri tersebut telah tiba dengan kapal terbang dari Kuala Lumpur pada petang hari Sabtu yang lalu.

Di-antara yang menyambut ketibaan Putera2 Baginda itu ialah Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara, Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha, Y. A. M. Pengiran Anak Safar, Y.A.M. Pengiran

Anak Kamis, Y.A.M. Pengiran Shahbandar, Y.A.M. Pengiran Kerma Indra, Y.B. Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf, Y.B. Dato Setia Pengiran Ali dan beberapa orang lagi.

Turut balek ka-Brunei untuk menyempurnakan kelepasan persekolahan bersama2 dengan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Y.T.M. Pengiran Muda Muhammad Bolkiah ia-lah beberapa orang Putera2 Diraja Brunei ia-itu :

Putera2 Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara-Pengiran Anak Abdul Rahman dan Pengiran Anak Apong.

Putera2 Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha — Pengiran Anak Yusof, Pengiran Anak Ja'afar dan Pengiran Anak Puteh.

Putera Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali — Pengiran Anak Kamarulzaman.

AWANGKU YURA HALIM

Sa-lain daripada putera2 Diraja tersebut dua orang putera2 Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf, Timbalan Setia Usaha Kerajaan. Brunei juga telah balek ka-Brunei pada hari tersebut untuk menyempurnakan kelepasan persekolahan ia-itu :


Awangku Yura Laila, berumur 10 tahun dan Awangku Yura Halim berumur 9 tahun.

Awangku Yura Laila dan Awangku Yura Halim kini belajar di-sabuh sekolah Inggeris di-Johore Bharu, Johore.

Ini-lah pertama kali putera2 Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf balek ka-Tanah Ayer semenjak mulai belajar di-luar negeri dua tahun dahulu.

Awangku Yura Laila dan Awangku Yura Halim di-jangka balek ka-Negeri Johore pada penghujung bulan ini untuk meneruskan pelajaran masing2.

MELAWAT BRUNEI



Inche Alex Josey

Inche Alex Josey, sa-orang wartawan Sharikat Berita Reynolds dan Perkhidmatan Berita Akhbar Sa-Dunia bagi kawasan Tenggara Asia telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama tiga hari mulai 22 November yang lalu.

Sa-lain dari jawatan2 tersebut Inche Alex ia-lah juga sa-orang penulis khas untuk beberapa buah perkhidmatan radio dan television di-antaranya ia-lah B.B.C. London, Canadian Broadcasting Corporation, Radio Singapura dan Independent Television News (United Kingdom).

Dalam masa lawatan-nya itu, Inche Alex telah mengadakan pertemuan2 dengan beberapa orang Pegawai Kerajaan serta tokoh2 politik di-Bandar Brunei, Tutong dan Kuala Belait.

PERSEKUTUAN BELIA BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei akan menubuhkan sabuah persekutuan belia di-Bandar Brunei sadikit hari lagi.

Sa-buah jawatan kuasa kerja sementara persekutuan belia itu telah di-lantik baharu2 ini.

Jawatan kuasa tersebut akan mengkaji rang undang2 dan perkara2 yang bersangkutan paut dengan persekutuan yang baharu itu.



Pemandangan di-lapangan terbang Brunei pada masa Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah (di-kiri sa-kali dalam gambar ini) serta beberapa orang Putera Diraja balek ka-Brunei dari Persekutuan Tanah Melayu pada petang hari Sabtu yang lalu.

Pancharagam Askar Melayu Brunei

BUKIT BENDERA. — Askar Melayu Brunei akan mengadakan satu pasokan pancharagam-nya sendiri pada masa hadapan. Demikian di-terangkan oleh Lieutenant Colonel Tengku Ahmad bin Tengku Besar Burhanuddin, Pegawai Pemerintah, Askar Melayu Brunei.

Tengku Ahmad telah menyatakan sademikian ketika menjawab pertanyaan sa-orang wartawan Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei pada masa di-adakan pertunjukan perbarisan oleh Askar Melayu Brunei di-padang Bukit Bendera, Tutong baharu2 ini.

Derma Kebakaran

BANDAR BRUNEI. — Wang sa-banyak \$9,476.55 telah didermakan oleh orang ramai untuk membantu mangsa2 kebakaran.

Kebakaran itu telah berlaku di-sini pada 21 September, 1961.

DERMA POPPY

SERIA. — Derma "Hari Bunga Poppy" pada tahun ini yang di-perolehi di-Seria-Belait berjumlah sa-banyak \$1,681.18.

Wang itu akan di-gunakan oleh Persatuan Bekas Anggota2 Tentera tempatan untuk mengadakan satu derma siswa.

JAWATAN KOSONG

BANDAR BRUNEI. — Permohonan ada-lah di-jemput dari pemohon2 yang telah lulus Darjah VII di-Sekolah Melayu bagi jawatan peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Dua salinan Borang2 Permohonan boleh di-dapati dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan. Borang2 itu hendak-lah di-penoh-kan dan di-kembalikan kepada Pegawai Perjawatan sa-belum 16 December, 1961.

SELAMAT BERPISAH



BANDAR BRUNEI. — Rombongan pertama Askar Melayu Brunei yang telah tamat berlatih di-Persekutuan Tanah Melayu sa-lama enam bulan telah balek ka-Tanah Ayer pada bulan November yang lalu.

Sa-masa berada di-negeri ini perajurit2 itu telah menunikan perbarisan mereka kepada beribu2 orang di-Bandar Brunei, Tutong dan Kuala Belait.

Kini perajurit2 itu telah pun meninggalkan Tanah Ayer mereka sa-kali lagi untuk meneruskan latihan mereka dalam peringkat yang ke-dua di-Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam gambar ini kelihatan sa-bilangan daripada perajurit2 itu sedang menaiki kapal terbang Angkatan Udara Diraja Inggeris di-lapangan terbang Bru-

nei di-Berakas pada pagi 30 November yang lalu untuk berangkat ka-Kuala Lumpur, ibu kota Persekutuan Tanah Melayu.

Menurut berita dari Persekutuan Tanah Melayu Askar2 Melayu Brunei itu telah selamat tiba di-Kuala Lumpur dengan kapal terbang Angkatan Udara Diraja Inggeris itu pada petang hari tersebut.